

05/12/1998

Saham hartanah catat kenaikan menggalakkan

SAHAM berasaskan hartanah di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) mencatatkan kenaikan memberangsangkan semalam sebagai menyambut baik kempen kerajaan menggalakkan jualan rumah di negara ini seperti diumumkan Persatuan Pemaju Perumahan Malaysia (HDAM), kelmarin.

Pada penutup urus niaga semalam, indeks hartanah melonjak 32.98 mata kepada 917.13 mata dengan sejumlah 160.741 juta saham diperdagangkan, manakala Indeks Komposit menokok 5.50 mata kepada 527.26 mata.

Antara kaunter berasaskan hartanah yang mencatatkan kenaikan ialah IOI Properties yang meningkat empat sen kepada RM3.30, Sunway City naik empat sen kepada RM1.10, Island & Peninsular - RM2.95 (+ enam sen), Sri Hartamas - 69 sen (+4.5 sen), Taiping Consolidated Bhd - 75.5 sen (+5.5 sen) dan Damansara Realty Bhd - kepada 71.5 sen (+ tiga sen).

Penganalisis berkata, promosi galakan jualan sepanjang kempen sebulan bermula 12 Disember ini lebih tertumpu kepada rumah berharga RM250,000 ke bawah yang sememangnya sudah mempunyai permintaan dan kemudahan kredit pasti membantu jualan.

"Pasarannya merasakan ini adalah permulaan baik untuk sektor hartanah yang cuba digerakkan oleh kerajaan sebagai alat memulihkan ekonomi," kata ketua penyelidik di sebuah syarikat broker tempatan.

Beliau berkata, rancangan yang akan dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu adalah sebahagian daripada usaha kerajaan memulihkan kelembapan ekonomi.

Adalah dijangkakan pelancaran itu akan disusuli dengan beberapa pengumuman tambahan termasuk langkah memudahkan pinjaman dan beberapa insentif berkaitan pembelian rumah.

Seorang penganalisis lagi berkata, minat yang besar dapat dilihat dalam syarikat hartanah kerana kerajaan kini meninjau untuk merangsang sektor terbabit dengan menaja kempen sebulan menjual hartanah pada harga diskaun, katanya.

Beliau menjangkakan pasaran akan meningkat lagi minggu depan dengan diketuai oleh dana tempatan.

HDAM kelmarin menyatakan, pembeli rumah akan menikmati potongan istimewa sehingga 10 peratus daripada harga rumah bermula minggu depan dalam satu kempen besar-besaran di seluruh negara bagi menggalakkan pemilikan rumah di kalangan rakyat.

(END)